# Perpaduan rakyat citra pembangunan negara bangsa

**Perpaduan** istilah umum biasa kita cakap dan dengar. Ia menjadi basahan perbualan harian dan ucapan dalam kalangan pemimpin politik. Ia istilah penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa.

Pembinaan negara bangsa memerlukan kesatuan dan kesepaduan rakyat, apatah lagi dalam konteks keunikan Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya. Di sinilah pentingnya gagasan 'perpaduan dalam kepelbagaian'.



Dr Kassim Thukiman

Penubuhan Kementerian Perpaduan Negara di bawah kepemimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin, amat mengujakan.

Pada 1974, portfolio perpaduan diwujudkan dalam Kabinet Malaysia. Pemimpin MIC, Tun VT Sambanthan, dilantik Menteri Perpaduan yang pertama.

Petikan ucapan mendiang masih terngiang-ngiang apabila bercakap secara jelas dan berfakta mengenai kerakyatan dan perpaduan. Namun, kedudukan portfolio perpaduan tidak mantap kerana ia sentiasa bertukar ganti mengikut aliran pemikiran dan keutamaan pemimpin.

Jelasnya, penubuhan Kementerian Perpaduan kali ini menunjukkan keseriusan kerajaan melaksanakan Dasar Perpaduan Nasional demi memastikan keharmonian, kebahagiaan dan kese-

paduan dalam kalangan rakyat. Maka persidangan meja bulat pertama diadakan pada 1949 menghasilkan Kontrak Sosial.

Perjanjian ini dimeterai pemimpin mewakili tiga bangsa utama, iaitu Melayu, Cina dan India. Jelasnya, kontrak sosial manifestasikan permuafakatan dalam kalangan pemimpin dalam pembentukan citra kenegaraan Malaysia.

Era selepas Perang Dunia Kedua menyaksikan politik perpaduan begitu popular. Datuk Onn Jaafar umpamanya, sebahagian besar ucapannya cenderung mempromosi perpaduan dalam kalangan rakyat.

Dalam pada itu, beliau mencadangkan penubuhan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (RIDA) pada 1950 atau kini dinamakan Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk membangunkan masyarakat Melayu daripada aspek pendidikan dan ekonomi.

Ia untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan antara kaum. Bagi menyemarakkan perpaduan, kerjasama antara parti politik digerakkan.

Golongan kiri Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan Majlis Bertindak Bersama Se-Malaya (AMCJA) juga menjalin kerjasama sehingga terbentuknya Perlembagaan Rakyat pada 1947.

UMNO dan MCA melakar kerjasama dalam Pilihan Raya Bandaran Kuala Lumpur 1952. Kemuncaknya penubuhan Parti Perikatan yang menggabungkan UMNO-MCA-MIC pada 1954.

Namun, inisiatif per

> Pembangunan



*Rakyat dituntut setia kepada negara.* (Foto hiasan)

pembinaan citra negara bangsa. Negara kita mempunyai dokumen bertulis tertinggi, iaitu Perlembagaan Persekutuan 1957. Ia terhasil daripada toleransi sangat tinggi antara kaum menerusi penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum pada 1949.

Melalui kontrak sosial, beberapa per

menuntut seluruh rakyat Malaysia menghayati dan mengamalkan kandungan Rukun Negara.

Apa diperlukan, setiap warganegara menyumbang kepada pembinaan negara bangsa dan menghargai status kewarganegaraan.